



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 46 (12 NOVEMBER – 18 NOVEMBER 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-46 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,372 kes berbanding 2,435 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 63 kes (2.6%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-46 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-46 adalah sebanyak 105,743 kes berbanding 54,570 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 51,173 (93.8%). Manakala sejumlah 80 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 37 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-46 adalah sebanyak 66 lokaliti berbanding 70 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 66 lokaliti yang dilaporkan, 50 lokaliti di Negeri Selangor, lima (5) lokaliti di Negeri Sabah, empat (4) lokaliti di Perak dan WPKL & Putrajaya serta masing-masing satu (1) lokaliti di Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Sarawak.

Bagi surveilan chikungunya, terdapat dua (2) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-46. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 186

kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 3,257 sampel darah dan 347 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Faktor pergerakan orang ramai secara meluas menyebabkan risiko jangkitan demam denggi lebih tinggi dan ia lebih cepat merebak, jika terdapat nyamuk *Aedes* di persekitaran. Penyebaran jangkitan demam denggi ini boleh terjadi melalui pembawa virus denggi (pesakit denggi) ke kawasan baharu samada mereka bergejala atau tidak. Orang ramai diingatkan agar tidak pergi ke kawasan wabak atau hotspot denggi dan dinasihatkan untuk sentiasa melindungi diri daripada gigitan nyamuk *Aedes* dengan menggunakan bahan penghalau nyamuk (repelan) untuk mencegah gigitan nyamuk atau mengenakan pakaian yang menutup anggota badan. Masyarakat boleh mendapatkan informasi mengenai senarai kawasan wabak dan hotspot denggi semasa melalui laman sesawang iDengue (<https://idengue.mysa.gov.my/>). **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
24 November 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-46 & ke-45 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-46 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-46), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-46 tahun 2023